8. Memelihara persekitaran di dalam penyampaian perkhidmatan.

## 10.4 FUNGSI DAN PERANAN JABATAN KERJA RAYA

JKR diwujudkan untuk :-

1. Berfungsi sebagai rakan kongsi strategik kepada pelanggan kami dalam mencapai keberhasilan polisi kerajaan.
2. Menjadi peneraju di dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kecemerlangan kejuruteraan untuk negara.
3. Menyediakan infrastruktur negara.



# 11.0 STRUKTUR PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA) DALAM ORGANISASI

## 11.1 JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) (FASILITI) – PERINGKAT JABATAN




AHLI JAWATANKUASA :-

| CAWANGAN | JAWATAN |
|---|---|
| CPAB | PENGARAH KANAN |
| CKAS | PENGARAH KANAN |
| CJ | PENGARAH KANAN |
| CKBA 1 | PENGARAH KANAN |
| CKUB | PENGARAH KANAN |
| CA | PENGARAH KANAN |
| CREaTE | PENGARAH KANAN |
| CKBA 2 | PENGARAH |
| CDPK | PENGARAH |
| JKR KESEDAR | PENGARAH |
| CKIP | PENGARAH |
| CKP | PENGARAH |
| CKKe | PENGARAH |
| CKG | PENGARAH |
| CKKi | PENGARAH |
| CASKT | PENGARAH |

| NEGERI/WILAYAH | JAWATAN |
|---|---|
| CKM | PENGARAH KANAN |
| CKE | PENGARAH KANAN |
| CSFB | PENGARAH |
| CSFJ | PENGARAH |
| CKC | PENGARAH |
| JKR PERLIS | PENGARAH |
| JKR KEDAH | PENGARAH |
| JKR PERAK | PENGARAH |
| JKR PULAU PINANG | PENGARAH |
| JKR SELANGOR | PENGARAH |
| JKR NEGERI SEMBILAN | PENGARAH |
| JKR MELAKA | PENGARAH |
| JKR JOHOR | PENGARAH |
| JKR PAHANG | PENGARAH |
| JKR TERENGGANU | PENGARAH |
| JKR KELANTAN | PENGARAH |
| JKR WP LABUAN | PENGARAH |
| JKR WP KUALA LUMPUR | PENGARAH |
| JKR WP PUTRAJAYA | PENGARAH |

| WAKIL-WAKIL LAIN | JAWATAN |
|---|---|
| URUSETIA JPAK | WAKIL |
| WAKIL KKR | PTF/ WAKIL |

## 12.0 RINGKASAN HALATUJU PENGURUSAN ASET TAK ALIH JKR

1. Memastikan pengurusan aset tak alih milikan Kementerian Kerja Raya di peringkat Jabatan Kerja Raya diselaraskan.
2. Memastikan pengurusan aset tak alih milikan KKR mematuhi Akta/Dasar/Pekeliling/Garis Panduan sedang berkuatkuasa.
3. Memastikan dokumentasi dalam pengurusan aset tak alih milikan KKR lebih komprehensif dan berkesan.

## 13.0 VISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH JKR

Kecemerlangan dalam Pengurusan Aset Tak Alih milikan KKR yang holistik, sistematik dan lestari

## 14.0 MISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH JKR

Misi Pengurusan Aset Tak Alih di peringkat Jabatan Kerja Raya ialah untuk mengamalkan pengurusan aset menyeluruh dengan:

1. Memastikan pematuhan kepada Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) dan Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM);
2. Komited mencapai kecemerlangan dalam pengurusan penyenggaraan aset tak alih milikan KKR untuk memenuhi kepuasan pengguna; dan
3. Bertekad membangunkan kecemerlangan modal insan yang kompeten dalam pengurusan aset tak alih milikan KKR.

## 15.0 OBJEKTIF PENGURUSAN ASET TAK ALIH JKR

Merujuk kepada objektif Pengurusan Aset Tak Alih Kementerian Kerja Raya, objektif tersebut terpakai untuk semua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Kerja Raya.



## 16.0 SKOP KATEGORI DAN FUNGSI ASET KKR YANG DIURUSKAN OLEH JKR

| NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI | KATEGORI ASET | DPA/ DAK | BIL. DPA | FUNGSI ASET | UNIT/PANJANG |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET MILIKAN KKR** | | | | | |
| Jabatan Kerja Raya | Bangunan | DPA | 15 | Pejabat:-<br>i. KKR - 1 DPA<br>ii. JKR - 14 DPA (aset milikan JKR) | **Rujuk LAMPIRAN A** |
| | | | 212 | Kuarters:-<br>i. JKR - 212 DPA | **Rujuk LAMPIRAN B** |
| | Infra | DPA | 1031 | Jalan Persekutuan<br>i. Semenanjung | Panjang Jalan 14,819.913 km |
| | | DAK | | Kategori Jalan<br>• Lampu Jalan | 119,475 unit (Semenanjung) |
| | | | | Jambatan<br>• Jambatan dan Pembentung | 12,261 unit (Semenanjung) |
| | | | | Simpang<br>• Lampu Isyarat | 38,528 unit (Semenanjung) |
| | | | | Cerun<br>• Cerun Premis<br>• Cerun di Jalan Persekutuan :-<br>i. Semenanjung<br>ii. Sabah<br>iii. Sarawak<br>iv. Labuan | 88 bil<br><br><br>26,791bil<br>4,178 bil<br>3,633 bil<br>181 bil |
| | | | | Laluan Sikal<br>• Semenanjung | 324.32 km |

## 17.0 PENETAPAN POLISI PENGURUSAN ASET (OPERASI) DAN SERTA OUTPUT

Merujuk kepada Penetapan Polisi Pengurusan Aset (Operasi) dan serta output Kementerian Kerja Raya (Perkara 8.0), penetapan tersebut terpakai untuk semua Agensi/Jabatan di bawah Kementerian Kerja Raya.

# 18.0 STRUKTUR TADBIR URUS ORGANISASI PATA JABATAN KERJA RAYA

## 18.1 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – PERINGKAT JABATAN

| UPF ASET JALAN<br>CSFJ, JKR | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH |
| PIF JALAN | JURUTERA PENGUASA KANAN, CSFJ |
| PDF JALAN | JURUTERA PENGUASA KANAN, CSFJ |
| POF JALAN | JURUTERA DAERAH |

| UPF ASET BANGUNAN<br>CSFB, JKR | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH |
| PIF BANGUNAN | JURUTERA AWAM PENGUASA BPKS |
| PDF BANGUNAN | JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN BFBA2 |
| POF BANGUNAN | JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN PPFKKR |

| UPF ASET BANGUNAN / DAK KOMPONEN MEKANIKAL<br>**CKM, JKR** | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH KANAN |
| PIF | JURUTERA PENGUASA KANAN, CKM |
| PDF | JURUTERA PENGUASA KANAN, CKM |
| POF | KETUA JURUTERA MEKANIKAL NEGERI |

| UPF ASET BANGUNAN ELEKTRIK/ DAK KOMPONEN ELEKTRIKAL<br>**CKE, JKR** | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH KANAN |
| PIF | JURUTERA PENGUASA KANAN, CKE |
| PDF | JURUTERA PENGUASA KANAN, CKE |
| POF | KETUA JURUTERA ELEKTRIKAL NEGERI |

| UPF ASET DAK CERUN<br>**CKC, JKR** | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH |
| PIF CERUN | JURUTERA PENGUASA KANAN, CKC |
| PDF CERUN | JURUTERA PENGUASA KANAN, CKC |
| POF CERUN | JURUTERA DAERAH |

## 18.2 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – PERINGKAT NEGERI

| UPF NEGERI<br>**ASET BANGUNAN DAN CERUN** | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH |
| PIF | JURUTERA AWAM PENGUASA (BANGUNAN) |
| PDF | JURUTERA AWAM (BANGUNAN) / JURUUKUR BANGUNAN |
| POF | JURUTERA DAERAH / JAJAHAN BAGI SETIAP DAERAH / JAJAHAN |

| UPF NEGERI<br>**ASET JALAN DAN CERUN** | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH |
| PIF | JURUTERA AWAM PENGUASA (JALAN) |
| PDF | JURUTERA AWAM (JALAN) |
| POF | JURUTERA DAERAH / JAJAHAN BAGI SETIAP DAERAH/ JAJAHAN |

## 18.3 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – PERINGKAT PREMIS

| UPF PREMIS/DAERAH<br>ASET BANGUNAN, JALAN DAN CERUN | |
|---|---|
| POF | JURUTERA DAERAH / JURUTERA JAJAHAN / JKR SABAH / JKR SARAWAK. |

## 18.4 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – BAGI JKR WILAYAH PERSEKUTUAN (WP KUALA LUMPUR, WP PUTRAJAYA DAN WP LABUAN)

| BAGI NEGERI YANG TIDAK MEMPUNYAI PENJAWATAN JURUTERA AWAM PENGUASA BANGUNAN DAN JURUTERA AWAM PENGUASA JALAN | |
|---|---|
| PTF | PENGARAH |
| PIF | JURUTERA AWAM PENGUASA |
| PDF | JURUTERA AWAM KANAN |
| POF | JURUTERA AWAM (SENGGARA) |



# LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

## 19.0 DASAR PERKHIDMATAN

Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan profesional yang berkualiti dalam pengesanan dan penyeliaan pembinaan serta operasi lebuh raya tol bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna selaras dengan standard ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 45001:2018, ISO/IEC 27001:2013 dan ISO 37001:2016.

## 19.1 TERAS STRATEGIK LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Terdapat enam (6) Teras Strategik LLM iaitu:-

1. Memperluaskan keterhubungan diantara Wilayah dan penggunaan teknologi dalam pembangunan lebuhraya.
2. Memperkasa pemantauan dan kualiti pengurusan pembinaan lebuh raya.
3. Mempertingkatkan kualiti operasi dan penyenggaraan lebuh raya bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.
4. Mengoptimumkan penggunaan teknologi RFID di Plaza Tol.
5. Memantapkan pengurusan pengambilalihan lebuh raya tamat konsesi.
6. Memantapkan dasar dan pengurusan organisasi dalam melonjakkan kecemerlangan LLM.

## 19.2 VISI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Menjadikan LLM bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawal seliaan lebuh raya.

## 19.3 MISI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

LLM menyumbang kepada pembangunan negara melalui :-

1. Melaksanakan pembangunan, pengurusan dan pengawalseliaan lebuh raya yang meliputi perancangan, rekabentuk, pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuh raya tol yang berkualiti mengikut piawaian antarabangsa.
2. Memberikan perkhidmatan lebuh raya yang cekap, selesa dan selamat serta memenuhi kepuasan pelanggan.
3. Memastikan keperluan sosial dan alam sekitar dipenuhi.
4. Menjadi pakar rujuk dalam pembangunan dan pengurusan lebuh raya tol.

## 19.4 FUNGSI DAN PERANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Fungsi Penubuhan Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah seperti berikut :-

1. Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya - lebuh raya sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan;
2. Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan kawasan rehat dan lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu di sepanjang lebuh raya;
3. Memungut tol daripada pengguna-pengguna lebuh raya dan lain-lain bayaran dari kemudahan yang difikirkan perlu di sepanjang lebuh raya;
4. Merancang dan menjalankan penyelidikan untuk memastikan penggunaan lebuh raya yang cekap dan lain - lain kemudahan di sepanjang lebuh raya; dan
5. Pada amnya, melakukan apa-apa juga perkara untuk memajukan lagi dan menggunakan dengan wajar lebuh raya dan lain-lain kemudahan di sepanjang lebuh raya.



# 20.0 STRUKTUR PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA) DALAM ORGANISASI

## 20.1 JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) (FASILITI) – PERINGKAT AGENSI




| JAWATAN | BAHAGIAN |
|---|---|
| PENGARAH | BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK |
| PENGARAH | BAHAGIAN PERANCANGAN |
| PENGARAH | BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIK |
| PENGARAH | BAHAGIAN PENGURUSAN REKABENTUK |
| PENGARAH | BAHAGIAN KHIDMAT PAKAR DAN KERJASAMA TEKNIKAL |
| PENGARAH | BAHAGIAN UKUR BAHAN DAN KONTRAK |
| PENGARAH | BAHAGIAN PENGAWASAN TOL |
| PENGARAH | BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH |
| PENGARAH | BAHAGIAN UNDANG-UNDANG |
| PENGARAH | BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KORPORAT |
| PENGARAH | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| PENGARAH | UNIT AUDIT DALAM |

| JAWATAN | BAHAGIAN |
|---|---|
| PENGARAH / PTF | BAHAGIAN PEMANTAUAN OPERASI (ASET KAWALAN) |
| PENGARAH / PTF | PEJABAT WILAYAH TENGAH |
| PENGARAH / PTF | PEJABAT WILAYAH UTARA |
| PENGARAH / PTF | PEJABAT WILAYAH SELATAN |
| PENGARAH / PTF | PEJABAT WILAYAH TIMUR |
| PDF | PENOLONG PENGARAH KEWANGAN & PENGURUSAN ASET |
| POF | PENOLONG PENGARAH SUMBER MANUSIA & KORPORAT |
| POF | PEGAWAI TADBIR WILAYAH TENGAH |
| POF | PEGAWAI TADBIR WILAYAH UTARA |
| POF | PEGAWAI TADBIR WILAYAH SELATAN |
| POF | PEGAWAI TADBIR WILAYAH TIMUR |

**NOTA :**
PTF : PEGAWAI TEKNIKAL FASILITI
PDF : PEGAWAI DAFTAR FASILITI
POF : PEGAWAI OPERASI FASILITI

## 21.0 RINGKASAN HALATUJU PENGURUSAN ASET TAK ALIH LLM

1. Memastikan pengurusan aset tak alih milikan Kementerian Kerja Raya di peringkat Lembaga Lebuh Raya Malaysia diselaraskan.

2. Memastikan pengurusan aset tak alih milikan KKR mematuhi Akta/ Dasar/Pekeliling/Garis Panduan sedang berkuatkuasa.

3. Memastikan dokumentasi dalam pengurusan aset tak alih milikan KKR lebih komprehensif dan berkesan.

## 22.0 VISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH LLM

Kecemerlangan dalam Pengurusan Aset Tak Alih milikan KKR yang holistik, sistematik dan lestari.

## 23.0 MISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH LLM

Misi Pengurusan Aset Tak Alih di peringkat Lembaga Lebuh Raya Malaysia ialah untuk mengamalkan pengurusan aset menyeluruh dengan -

- Memastikan pematuhan kepada Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) dan Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM);
- Komited mencapai kecemerlangan dalam pengurusan penyenggaraan aset tak alih milikan KKR untuk memenuhi kepuasan pengguna; dan
- Bertekad membangunkan kecemerlangan modal insan yang kompeten dalam pengurusan aset tak alih milikan KKR.

## 24.0 OBJEKTIF PENGURUSAN ASET TAK ALIH LLM

Merujuk kepada objektif Pengurusan Aset Tak Alih Kementerian Kerja Raya (Perkara 6.0), objektif tersebut terpakai untuk semua Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Kerja Raya.

## 25.0 SKOP KATEGORI DAN FUNGSI ASET KKR YANG DIURUSKAN OLEH LLM

| NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI | KATEGORI ASET | BIL. DPA | FUNGSI ASET | BIL. DPA |
|---|---|---|---|---|
| **ASET MILIKAN KKR** | | | | |
| Lembaga Lebuhraya Malaysia | Bangunan | 8 | Pejabat / Ruang Kerja | 7 |
| | | | Perumahan / Penginapan<br>i. Kuarters | 1 |
| | | | Fasiliti / Infrastruktur Awam | - |
| **ASET KAWALAN** | | | | |
| Lembaga Lebuhraya Malaysia | Bangunan | | i. Plaza Tol | **176 unit** |
| | | | ii. Kawasan Rehat dan Rawat | **50 unit** |
| | | | iii. Hentian Sebelah | **95 unit** |
| | | | iv. Hentian Sebelah Tol Plaza | **186 unit** |
| | Jalan | | i. Lebuhraya - 30 | **2,016.05 km<br>9,119.63 lane km** |
| | | | ii. Persimpangan Lebuhraya | **303 unit** |
| **ASET TANAH** | | | | |
| Lembaga Lebuhraya Malaysia | Tanah | 8 | Tanah Milikan Lembaga Lebuhraya Malaysia | **8 Lot** |

## 26.0 PENETAPAN POLISI PENGURUSAN ASET (OPERASI) DAN SERTA OUTPUT

Merujuk kepada Penetapan Polisi Pengurusan Aset (Operasi) dan serta output Kementerian Kerja Raya (Perkara 8.0), penetapan tersebut terpakai untuk semua Agensi/Jabatan di bawah Kementerian Kerja Raya.

# 27.0 STRUKTUR TADBIR URUS ORGANISASI PATA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

## 27.1 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – PERINGKAT AGENSI



CIDB MALAYSIA

# LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

## 28.0 DASAR PERKHIDMATAN

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang berperanan melaksanakan fungsi Akta 520, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 di antaranya adalah untuk mengawal selia, membangun dan memudahkan industri pembinaan menuju ke arah mencapai daya saing global.

### 28.1 TERAS STRATEGIK CIDB

1

**TERAS INOVASI**
Industri pembinaan memerlukan pelbagai penyelesaian kaedah dan teknologi bagi menghadapi cabaran baharu dalam industri IR.40, di samping cabaran semasa sehingga kini memerlukan penyelesaian yang lebih berkesan dengan pelbagai teknik dan inovasi

2

**TERAS PENYAMPAIAN PENYELESAIANI**
Potensi untuk membentuk nilai bagi pihak berkepentingan dalam industri pembinaan bergantung kepada keupayaan CIDB untuk menyelesaikan masalah secara komprehensif. Ini boleh dicapai melalui hubungan yang lebih akrab dan fleksibiliti untuk menyesuaikan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan mereka. Kejayaan ini akan meningkatkan kedudukan serta reputasi CIDB.

3

**TERAS PENGURUSAN PERHUBUNGAN**
CIDB sebagai penyedia penyelesaian yang efektif perlu memahami masalah-masalah industri yang timbul dari pelbagai pihak berkepentingan. Selain dari syarikat-syarikat pembinaan, mereka juga termasuk orang awam, kumpulan pencinta alam sekitar, agensi Kerajaan dan para penyelidik. Pengurusan hubungan yang baik sangat mustahak dalam memastikan inovasi dan penyampaian penyelesaian yang dihasilkan oleh CIDB sesuai dengan kehendak pasaran.

4

**TERAS KEPIMPINAN**
Bagi merealisasikan matlamat tersebut, CIDB melaksanakan transformasi yang memerlukan penjajaran semula dalaman dan pembangunan keupayaan baharu. Ini hanya boleh dicapai melalui kepimpinan yang aktif. Menerajui transformasi strategik adalah tanggungjawab pengurusan atasan CIDB. Sekiranya tonggak ini lemah, tonggak yang lain akan mudah runtuh.

## 28.2 VISI CIDB

Menjadi pihak berkuasa yang menerajui penyediaan penyelesaian untuk membangunkan industri yang bertanggungjawab secara sosial dan mesra alam.

## 28.3 MISI CIDB

Mengawal selia, membangun dan memudahcara industri pembinaan dengan menerapkan profesionalisme dan memanfaatkan inovasi untuk menghasilkan persekitaran binaan yang berkualiti, produktif dan mampan.

## 28.4 FUNGSI DAN PERANAN CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang berperanan melaksanakan fungsi Akta 520, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 di antaranya adalah untuk mengawal selia, membangun dan memudahkan industri pembinaan menuju ke arah mencapai daya saing global.

## 28.1 TERAS STRATEGIK CIDB

1. Memajukan dan merangsang pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan;
2. Menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
3. Memajukan, merangsang dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;
4. Memajukan, merangsang dan membantu dalam pengeksportan perkhidmatan berhubungan dengan industri pembinaan;
5. Mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
6. Memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
7. Mengawal selia pematuhan standard bagi buatan kerja binaan dan bahan binaan;
8. Mendapatkan, menyiarkan, memulakan dan menyenggarakan maklumat yang berhubungan dengan industri pembinaan termasuklah penubuhan sistem maklumat industri pembinaan;

9. Mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan latihan dalam industri pembinaan.
10. Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor itu;
11. Mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu;
12. Mengawal selia pelaksanaan bagi kerja pembinaan yang berkualiti dan selamat;
13. Mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
14. Menguruskan apa-apa aduan atau laporan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa kegagalan kerja pembinaan atau kerja pembinaan yang telah siap yang menyentuh keselamatan awam dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menanganinya.



# 29.0 STRUKTUR PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA) DALAM ORGANISASI

## 29.1 JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) (FASILITI) – PERINGKAT AGENSI



## 30.0 RINGKASAN HALATUJU PENGURUSAN ASET TAK ALIH CIDB

**1** Memastikan pengurusan aset tak alih milikan Kementerian Kerja Raya di peringkat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia diselaraskan.

**2** Memastikan pengurusan aset tak alih milikan KKR mematuhi Akta/Dasar/Pekeliling/Garis Panduan sedang berkuatkuasa.

**3** Memastikan dokumentasi dalam pengurusan aset tak alih milikan KKR lebih komprehensif dan berkesan.

## 31.0 VISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH CIDB

Kecemerlangan dalam Pengurusan Aset Tak Alih milikan KKR yang holistik, sistematik dan lestari.

## 32.0 MISI PENGURUSAN ASET TAK ALIH CIDB

Misi Pengurusan Aset Tak Alih di peringkat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ialah untuk mengamalkan pengurusan aset menyeluruh dengan

1. Memastikan pematuhan kepada Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) dan Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM);
2. Komited mencapai kecemerlangan dalam pengurusan penyenggaraan aset tak alih milikan KKR untuk memenuhi kepuasan pengguna; dan
3. Bertekad membangunkan kecemerlangan modal insan yang kompeten dalam pengurusan aset tak alih milikan KKR.

## 33.0 OBJEKTIF PENGURUSAN ASET TAK ALIH CIDB

Merujuk kepada objektif Pengurusan Aset Tak Alih Kementerian Kerja Raya (Perkara 6.0), objektif tersebut terpakai untuk semua Jabatan/agensi di bawah Kementerian Kerja Raya.

## 34.0 SKOP KATEGORI DAN FUNGSI ASET TAK ALIH CIDB

| NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI | KATEGORI ASET | BIL. DPA | FUNGSI ASET | BIL. DPA |
|---|---|---|---|---|
| Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) | Bangunan | 7 | Pejabat / Ruang Kerja | 2 |
| | | | Perumahan / Penginapan | - |
| | | | Fasiliti / Infrastruktur Awam | - |
| | | | Lain-lain<br>• Pusat Latihan<br>• Dewan | <br>4<br>1 |

## 35.0 PENETAPAN POLISI PENGURUSAN ASET (OPERASI) DAN SERTA OUTPUT

Merujuk kepada Penetapan Polisi Pengurusan Aset (Operasi) dan serta output Kementerian Kerja Raya (Perkara 8.0), penetapan tersebut terpakai untuk semua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Kerja Raya.

# 36.0 STRUKTUR TADBIR URUS ORGANISASI PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA) LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

## 36.1 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – PERINGKAT AGENSI

| | | | |
|---|---|---|---|
| **PEGAWAI TEKNIKAL FASILITI (PTF)** | **PENGURUS BESAR**<br>Bahagian Pengurusan Fasiliti | | |
| **PEGAWAI INSPEKTORAT FASILITI (PIF)** | **PENGURUS BESAR**<br>Unit Pengurusan Fasiliti | | |
| **PEGAWAI DAFTAR DAN DATA FASIITI (PDF)** | **PENOLONG PENGURUS**<br>Unit Pengurusan Fasiliti | **PENOLONG PENGURUS**<br>Unit Pengurusan Fasiliti | |
| **PEGAWAI OPERASI FASILITI (POF)** | **PEMBANTU TADBIR**<br>Unit Pengurusan Fasiliti | **PEMBANTU TADBIR**<br>Unit Pengurusan Fasiliti | **PEMBANTU TADBIR**<br>Unit Pengurusan Fasiliti |

## 36.2 KEANGGOTAAN FUNGSI UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF) – PERINGKAT NEGERI

| UPF NEGERI CIDB MALAYSIA | |
|---|---|
| PTF | PENGURUS |
| PDF | PENOLONG PENGURUS |
| POF | PEMBANTU TADBIR |

| UPF PUSAT LATIHAN AKADEMI BINAAN MALAYSIA | |
|---|---|
| PTF | KETUA SEKSYEN |
| PDF | JURUTEKNIK |
| POF | PENOLONG JURUTEKNIK |



# STRATEGI PELAKSANAAN PSPA (OPERASI)

## 37.0 STRUKTUR TADBIR URUS ORGANISASI

Struktur tadbir urus pelaksanaan PATA Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia terdiri daripada:

1. Pegawai Pengawal.
2. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Fasiliti.
3. Unit Pengurusan Fasiliti (UPF).

### 37.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

37.1.1 Bagi tujuan dokumen ini, Pegawai Pengawal bermaksud Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Pengarah Jabatan atau Ketua Agensi yang telah dilantik menurut peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

37.1.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pengurusan aset tak alih kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan di Agensi Kerajaan masing-masing dengan melaksanakan perkara-perkara berikut :-

a. Mewujudkan Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) di peringkat Agensi Kerajaan dan organisasi di bawahnya;
b. Melantik :-
   i. Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF) dan pengawai-pegawai yang berkaitan di peringkat Agensi Kerajaan bagi menguruskan aset tak alih mengikut syarat dan kelayakan yang bersesuaian;
   ii. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) di peringkat Agensi Kerajaan bagi menyelaras semua aktiviti mengikut kitaran hayat aset tak alih;
   iii. Lembaga Pelupusan Aset Tak Alih yang terdiri daripada wakil Agensi Teknikal, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (jika perlu), lain-lain agensi dan individu yang mempunyai kepakaran berkaitan untuk tempoh dua (2) tahun;
   iv. Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan dan Hapus Kira) yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran berkaitan; dan
   v. Ketua Audit Dalaman mengikut keperluan dalam TPATA.

c. Melulus :-

   i. Polisi dan kaedah pelaksanaan pengurusan aset tak alih di bawah kawalan agensi masing-masing;
   ii. Pelan pelaksanaan aktivti setiap fasa penggunaan dalam kitaran hayat aset tak alih;
   iii. Program dan bajet tahunan pengurusan aset tak alih;
   iv. Keperluan sumber pejabat UPF (staf, Latihan, ruang pejabat, peralatan kerja, dan lain-lain);
   v. Agihan peruntukan pelaksanaan aktiviti pengurusan aset tak alih;
   vi. Tindakan bagi pemulihan atau pemuliharaan atau ubah suai atau naik taraf atau pelupusan aset tak alih; dan
   vii. Program audit dalaman pengurusan aset tak alih.

d. Memantau dan melaporkan :-

   i. Pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;
   ii. Output program setiap fasa aset mengikut prosedur yang ditetapkan;
   iii. Kemajuan perbelanjaan pelaksanaan aktiviti pengurusan aset tak alih;
   iv. Program Latihan kompetensi dan audit dalaman pengurusan aset tak alih; dan
   v. Kemajuan aktiviti mengikut tatacara yang ditetapkan yang ditetapkan setiap sukuan tahun dan tahunan.

e. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) untuk sukuan ke-4; dan

f. Memastikan semua aset tak alih diuruskan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

## 37.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) FASILITI

37.2.1 JKPAK (Fasiliti) merupakan jawatankuasa di peringkat Agensi Kerajaan yang ditubuhkan bagi mengurus aset tak alih mengikut keputusan/arahan Jawatankuasa PengurusanAset Kerajaan (JPAK) dan tugas-tugas khusus sebagaimana ditetapkan.

37.2.2 Keanggotaan JKPAK (Fasiliti) di Agensi Kerajaan adalah seperti berikut;

| | |
|---|---|
| **PENGERUSI** | • Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan (Peringkat Kementerian)<br>• Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Agensi (Peringkat Ibu Pejabat) Pengarah (Jabatan Persekutuan/ Agensi di peringkat Negeri) |
| **SETIAUSAHA** | • PTF Kementerian / Jabatan / Agensi |
| **AHLI** | • Semua Ketua Bahagian/ Unit Ketua Audit Dalam atau wakilnya PTF (selain urus setia) kecuali PTF Peringkat Daerah |

37.2.3 Agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan I, II, dan III adalah seperti berikut :-

a. Laporan Penerimaan dan Pendaftran Aset;

b. Laporan Penyenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih;

c. Laporan Pemeriksaan dan Penarafan Aset Tak Alih;

d. Laporan Pemulihan/ Pemuliharaan / Ubah Suai / Naik

e. Laporan Pelupusan Aset;

f. Laporan Kehilangan dan Hapus Kira;

g. Laporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih; dan

h. Masalah / isu yang berkaitan dengan pengurusan Aset Tak Alih

37.2.4 Bidang tugas JKPAK (Fasiliti) adalah merancang, memantau, mengawasi, menyelaras dan menganalisis semua aspek pengurusan aset tak alih supaya mematuhi TPATA dan memenuhi objektif kementerian serta agensi-agensi di bawahnya.

37.2.5 Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun di mana hasil Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan I, II dan III dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) sukuan ke-IV yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal. Hasil mesyuarat sukuan ke-IV hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat Agensi Kerajaan masing-masing dan Urus Setia JPAK.

37.2.6 Perincian bagi Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) untuk Sukuan IV sahaja adalah seperti berikut :-

a. Keanggotaan Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan ke-IV adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **PENGERUSI** | • Pegawai Pengawal |
| **SETIAUSAHA** | • PTF Kementerian / Jabatan / Agensi |
| **AHLI** | • Semua Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Peringkat Kementerian) Semua Timbalan Ketua Pengarah (Jabatan Peringkat Ibu Pejabat) Ketua Jabatan/ Agensi/ Bahagian/Unit P F (selain urus setia) |

b. Agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan ke-IV adalah seperti berikut :-

i. Rujuk agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan ke-I, II dan III;

ii. Laporan Pencapaian Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi) (PSPA (O));

iii. Analisis Laporan Audit Dalaman dan Audit Luaran;

iv. Analisis Maklumbalas Pengguna;

v. Analisis Penyelenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih;

vi. Analisis Pemeriksaan dan Penarafan Aset Tak Alih;

vii. Cadangan Penambahbaikan dan Inovasi;

viii. Kajian Semula PSPA (O) bila mana perlu atau sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali; dan

ix. Hal-hal lain.

c. Hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Urus Setia JPAK sebelum atau pada 15 Mac pada setiap tahun.

## 37.3 <u>TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF)</u>

37.3.1 UPF berperanan membantu Pegawai Pengawal dalam melaksanakan semua tanggungjawab pengurusan aset tak alih di Agensi Kerajaan antara lain adalah seperti berikut :-

a. Mengurus semua aset tak alih Kerajaan di Agensi Kerajaan di bawah kawalannya meliputi:

i. Penerimaan dan Pendaftaran Aset;

ii. Operasi dan Penyenggaraan Aset;

iii. Penilaian;

iv. Pemulihan/ Pemuliharaan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset;

v. Pelupusan Aset; dan

vi. Kehilangan dan Hapus Kira.

b. Mengurus pelantikan Lembaga Pelupusan Aset Tak Alih, Ahli Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan dan Hapus Kira), Penel Penerimaan, Panel Penilai Teknikal dan Pihak Pelaksana (sekiranya aktiviti dilaksanakan secara luaran);

c. Memantau, mengawal dan menilai pencapaian pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;

d. Mengurus permohonan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) bagi Pengurusan Aset Tak Alih kepada Bahagian Belanjawan, Penbendaharaan mengikut Pekeliling Penbendaharaan berkaitan;

e. Mengurus keperluan sumber, Latihan kompetensi, audit dalaman dan rekod-rekod yang berkaitan degan pengurusan aset tak alih;

f. Mengendali mesyuarat penyelarasan pengurusan aset tak alih; dan

g. Mengurusetia Mesyuarat JKPAK (Fasiliti).



## 37.4 BIDANG TUGAS UPF

| JAWATAN | KEMENTERIAN | JABATAN/AGENSI | NEGERI / DAERAH |
|---|---|---|---|
| Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF) | Mengetuai pasukan teknikal dalam pengurusan fasiliti dan penyenggaraan aset tak alih (bangunan & infrastruktur) agensi; | Merancang dan mengurus pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan. | Melaksanakan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan. |
| | Mengawal dan memantau pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan; | Menyediakan input teknikal dan professional dalam pembangunan aset tak alih (bangunan dan infrastruktur) bagi memenuhi penyampaian perkhidmatan | Mengemukakan laporan-laporan teknikal, kos dan maklumat pengurusan dalam aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur) agensi kepada PTF jabatan/agensi; |
| | Mengemukakan laporan-laporan teknikal, kos dan maklumat aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur) kepada Pengerusi JKPAK (Fasiliti) dan Pegawai Pengawal di peringkat Kementerian; | Mengemukakan laporan-laporan teknikal, kos dan maklumat aktiviti PATA (bangunan dan Infrastruktur) agensi kepada Pengerusi JKPAK (Fasiliti) dan Pegawai Pengawal di peringkat Jabatan/agensi serta kepada PTF Kementerian. | Menyedia keperluan sumber dan pembangunan kompetensi organisasi; |
| | Mengawal dan memantau keperluan sumber dan pembangunan kompetensi organisasi; | Menetapkan piawaian, spesifikasi teknikal dan tahap perkhidmatan fasiliti/aset tak alih (bangunan dan infrastruktur). | Menugas dan menyelia pegawai-pegawai bawahan seperti PDF Negeri, PIF Negeri dan POF mengikut tatacara yang ditetapkan. |
| | Menugas dan menyelia pegawai-pegawai bawahan seperti PDF Kementerian, PIF Kementerian dan POF mengikut tatacara yang ditetapkan; | Mengurus keperluan sumber dan pembangunan kompotensi. | |
| | Menyelaras dan berkomunikasi dengan semua PTF di bawah jabatan/ agensi masing-masing. | Menugas dan menyelia pegawai-pegawai bawahan seperti PDF dan PIF Jabatan/agensi serta POF mengikut tatacara ditetapkan. | |

| JAWATAN | KEMENTERIAN | JABATAN/AGENSI | NEGERI / DAERAH |
|---|---|---|---|
| Pegawai Daftar Fasiliti (PDF) | Mengawal dan memantau pelaksanaan pengurusan penerimaan dan daftar aset milik agensi; | Menguruskan pelaksanaan pengurusan penerimaan dan daftar aset. | Melaksanakan pengurusan penerimaan dan daftar aset milik agensi; |
| | Memastikan kelancaran capaian terhadap aplikasi sistem PATA oleh semua pengguna agensi. | Memastikan maklumat dan data daftar aset mematuhi tatacara dan aplikasi sistem PATA yang ditetapkan. | Mengemaskini maklumat dan data daftar aset Kerajaan milik agensi berdasarkan tatacara dan aplikasi sistem PATA yang ditetapkan; |
| | Menguruskan penyediaan pelaporan terhadap maklumat pendaftaran, perancangan, perbelanjaan, aktiviti operasi dan penyenggaraan serta pelupusan aset. | Menyelaras dan memastikan kelancaran capaian terhadap aplikasi sistem PATA oleh semua pengguna. | Menyediakan pelaporan terhadap maklumat pendaftaran, perancangan, perbelanjaan, aktiviti operasi dan penyenggaraan serta pelupusan aset. |
| | | Memberi khidmat nasihat, latihan dan sokongan pengguna aplikasi sistem PATA kepada semua pengguna. | |
| | | Menyemak dan mengemukakan pelaporan terhadap maklumat pendaftaran, perancangan, perbelanjaan, aktiviti operasi dan penyenggaraan serta pelupusan aset kepada PDF Kementerian. | |

| JAWATAN | KEMENTERIAN | JABATAN/AGENSI | NEGERI / DAERAH |
|---|---|---|---|
| Pegawai Inspektorat Fasiliti (PIF) | Mengawal dan memantau aktiviti-aktiviti pematuhan akta, peraturan, tatacara, skop, spesifikasi dan syarat-syarat kontrak pengurusan fasiliti yang berkaitan berdasarkan pendekatan PAM; | Mengurus aktiviti-aktiviti pematuhan akta, peraturan, tatacara, skop, spesifikasi dan syarat-syarat kontrak pengurusan fasiliti yang berkaitan berdasarkan pendekatan PAM; | Melaksanakan aktiviti-aktiviti pematuhan akta, peraturan, tatacara, skop, spesifikasi dan syarat-syarat kontrak pengurusan fasiliti yang berkaitan berdasarkan pendekatan PAM; |
| | Mengawal dan memantau pelaksanaan audit pematuhan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset; | Menyelaras dan menjalankan audit pematuhan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset; | Melaksanakan audit pematuhan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan aset; |
| | Mengawal dan memantau pelaksanaan penilaian prestasi dan keadaan aset tak alih (bangunan & infrastruktur); dan | Memastikan pelaksanaan penilaian prestasi dan keadaan aset tak alih (bangunan & infrastruktur) di premis berkaitan; | Melaksanakan penilaian prestasi dan keadaan aset tak alih (bangunan & infrastruktur) di premis berkaitan; |
| | Menyemak dan mengemukakan laporan penemuan audit/ penilaian/ penyiasatan aset kepada PTF Kementerian. | Menjalankan analisis dan perakuan berdasarkan laporan penemuan audit/ penilaian/ penyiasatan aset untuk dikemukakan kepada PIF Kementerian. | Menjalankan kerja-kerja penyiasatan terhadap permasalahan teknikal (kerosakan, kehilangan/ hapus kira) yang berlaku di tapak bagi tujuan pelaporan dan pengesahan; dan |
| | | | Menyediakan pelaporan terhadap penemuan audit/ penilaian/ penyiasatan aset. |

| JAWATAN | KEMENTERIAN | JABATAN/AGENSI | NEGERI / DAERAH |
|---|---|---|---|
| Pegawai Operasi Fasiliti | Melaksanakan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih agensi berdasarkan DPAK, MPAM dan tatacara-tatacara yang berkaitan;berkaitan berdasarkan pendekatan PAM; | | |
| | Menyedia dan mengemukakan pelan, bajet tahunan, laporan-laporan teknikal dan maklumat pengurusan dalam aktiviti PATA (bangunan & infrastruktur – peringkat premis) kepada PTF Daerah; | | |
| | Menyediakan maklumat lengkap aset, memindahkan serta mengemaskini maklumat tersebut ke dalam pangkalan data. | | |

## 38.0 SISTEM, PROSEDUR, PIAWAIAN DAN TEKNOLOGI

| AKTIVITI PENGURUSAN ASET | SISTEM, PROSEDUR, PIAWAIAN & TEKNOLOGI |
|---|---|
| Penerimaan dan Pendaftaran Aset | Sistem :-<br>1. Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) - JKR<br>2. Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) - CPAB JKR<br>3. Laporan Observasi Pengguna Fasiliti (LAFAS) - JKR<br>4. High-performance Analytic Appliance (SAP4HANA) - CIDB |
| | Prosedur :-<br>1. Tatacara Pengurusan Aset tak Alih Kerajaan (TPATA) – CPAB JKR<br>2. Audit Kriteria Penerimaan (Jalan & cerun)<br>3. Post Occupancy Evaluation (POE) -Bangunan<br>4. Garis Panduan Pengumpulan Data dan Pelabelan Aset Tak Alih – PeDATA (aset bangunan) |
| | Piawaian :-<br>1. Surat Pekeliling Am Bil. 3 tahun 2021 – Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih |
| | Teknologi :-<br>1. 1. Sistem Pengurusan Fasiliti Berpusat (my INFRA) – BPF KKR |
| Operasi dan Penyenggaraan Aset | Sistem :-<br>1. Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) - JKR<br>2. Sistem Pengurusan Bersepadu (e-Siap CIDB) |
| | Prosedur :-<br>1. Tatacara Pengurusan Aset tak Alih Kerajaan (TPATA) – CPAB JKR<br>2. SOP Senggara Jalan Pindaan 1 – CFSJ JKR<br>3. Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Kuarters Volume 1.0 – KKR<br>4. Guidelines On Slope Maintenance in Malaysia – JKR (Cerun)<br>5. Garis Panduan Operasi dan Penyenggaraan (GPOP)<br>6. SOP Cerun – JKR (Cerun) |
| | Piawaian :-<br>1. Surat Pekeliling Am Bil. 3 tahun 2021 – Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih<br>2. QMS-ISO 9001: 2015<br>3. Standard Specification For Road Works - JKR<br>4. Manual Fasiliti Keselamatan Jalan – JKR |
| | Teknologi :-<br>1. Computerized Maintenance Management System (CMMS)<br>2. Integrated Slope Management System (ISMAS) - JKR (Cerun)<br>3. Sistem Pengurusan Bersepadu (e-Siap) - CIDBSAP4HANA (CIDB)<br>4. High-performance ANalytic Appliance (SAP4HANA) – CIDB<br>5. Sistem Pemantauan Senggaraan Berpusat (SPSB) – JKR<br>6. Penggunaan Sistem Pengurusan Fasiliti Berpusat (eSPFB) – JKR<br>7. Bridge Management System (BMS) – JKR (Jambatan) |
| Penilaian Keadaan / Prestasi Aset | Sistem :-<br>1. Sistem Pengurusan Bersepadu (JKR)<br>2. Sistem Laporan Observasi Pengguna Fasiliti - LAFAS (JKR)<br>3. Sistem Pengurusan Bersepadu - e-Siap (CIDB) |

| AKTIVITI PENGURUSAN ASET | SISTEM, PROSEDUR, PIAWAIAN & TEKNOLOGI |
|---|---|
| | Prosedur :-<br>1. Tatacara Pengurusan Aset tak Alih Kerajaan (TPATA) - (CPAB) JKR<br>2. Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilian Keadaan Bangunan Sedia ada (JKR)<br>3. Garis Panduan Penilaian Prestasi dan Penarafan Bangunan |
